



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
NOVEMBER 2025



HIBURAN MELAMPAU

14 NOVEMBER 2025 | 23 JAMADILAWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala perintah Allah Taala dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa adalah bekal yang terbaik untuk kebahagiaan hidup kita sama ada di dunia mahupun akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Fitrah manusia perlukan hiburan dalam kehidupan. Hiburan ialah sesuatu yang boleh menggembirakan hati, merehatkan minda, menyenangkan jiwa dan menyedapkan pendengaran. Islam tidak menyekat umatnya mencari hiburan selagi mana tidak keluar daripada batas syarak. Firman Allah Taala dalam surah al-A'raaf ayat 32 :



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَمَةِ كَذَلِكَ نَفْصِلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad): "Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah yang telah disediakan untuk hamba-Nya, dan demikian juga benda yang baik lagi halal daripada rezeki yang dikurniakan-Nya?" Katakanlah: "Semuanya itu (nikmat) untuk orang yang beriman (dan juga yang tidak beriman) dalam kehidupan dunia; (semua nikmat itu pula) hanya tertentu (bagi orang yang beriman sahaja) pada hari kiamat. Demikianlah kami jelaskan ayat-ayat keterangan kami satu persatu bagi orang yang mahu mengetahui".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri memahami kecenderungan manusia kepada hiburan. Ketika Saidatina Aisyah Radiallahu Anha membantu seorang perempuan Ansar untuk persediaan majlis perkahwinannya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

يَا عَائِشَةُ مَا كَانَ مَعَكُمْ لَهْوٌ فَإِنَّ الْأَنْصَارَ يُعْجِبُهُمُ اللَّهْوُ

Yang bermaksud: “Wahai ‘Aisyah, tidak adakah sebarang hiburan dalam majlis perkahwinan ini? Sesungguhnya kaum Ansar menyukai hiburan.”

Diriwayatkan juga bahawa Sayyidina Umar Radiallahu Anhu pernah mendengar seorang lelaki menyanyi di padang pasir, lalu beliau berkata yang bermaksud: “Nyanyian itu merupakan bekalan bagi seorang pengembara.”



Sidang Jumaat yang dimuliakan

Garis panduan yang dikeluarkan oleh Muzakarah Kebangsaan Hal Ehwal Islam (Muzakarah MKI) pada tahun 1981 secara umumnya menghukumkan harus (boleh) sesuatu hiburan dengan syarat nyanyian atau hiburan yang tidak lucu, biadap, tidak mendorong kepada maksiat, tidak bercampur gaul antara lelaki dan perempuan, dan tidak membawa fitnah. Sebaliknya ia menjadi haram jika mengundang kepada maksiat atau bertentangan dengan prinsip Islam.

Hari ini kita terlalu banyak didedahkan dengan pelbagai hiburan yang mempersona dan melalaikan tanpa menghiraukan batas-batas hukum serta sanggup menghabiskan harta, masa dan keringat untuk hadir ke aktiviti hiburan yang melalaikan. Firman Allah Taala dalam surah Luqman ayat 6 yang bermaksud: *"Dan di antara manusia ada orang yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna (hiburan dan cerita yang melalaikan) untuk menyesatkan (manusia) daripada jalan Allah tanpa pengetahuan, dan menjadikan jalan Allah itu olok-olokan. Mereka itu akan memperoleh azab yang menghinakan"*.

Dalam konteks negara kita hari ini, gejala hiburan melampau atau hedonisme ini bukanlah lagi menjadi rahsia kepada masyarakat umum. Hiburan melampau boleh ditakrifkan sebagai segala bentuk hiburan yang melanggar batas syarak dan kesederhanaan hingga melalaikan manusia daripada mengingati Allah Taala.

Sekiranya diamati, hiburan melampau adalah agenda musuh Islam, untuk merosakkan akhlak, syariat dan akidah umat Islam. Akibat leka berhibur, umat Islam banyak menghabiskan masa dengan berbicara perkara berkenaan gosip dan perkara sia-sia, sedangkan masalah yang



lebih besar bagi membangunkan umat diabaikan. Kita berasa senang hati untuk hadir program hiburan tetapi pada masa yang sama merasakan satu seksaan dan deraan bila diminta menghadiri majlis keagamaan dan program-program yang menggerakkan kerja Islam.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Taala

Tidak semua hiburan dibenarkan oleh Islam, bahkan hiburan yang dibenarkan pun janganlah dilakukan secara melampau dan berlebihan. Berpada-padalah ketika berhibur. Janganlah meniru budaya songsang dari luar negara yang boleh merosakkan akidah, akhlak dan peradaban kita sebagai orang Islam. Benarlah sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: *“Kamu akan mengikut jejak langkah umat-umat sebelum kamu, sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta, sehingga jikalau mereka masuk ke lubang biawak pun kamu akan mengikuti mereka”*. Sahabat bertanya: *“Wahai Rasulullah, apakah Yahudi dan Nasrani yang engkau maksudkan?”* Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab: *“Siapa lagi kalau bukan mereka?”*

Kini telah banyak hiburan Islam yang boleh dijadikan alternatif kepada hiburan yang melalaikan. Banyak usaha yang telah dibuat untuk membangunkan hiburan Islam dengan kemunculan kumpulan nasyid, qasidah, maulid Nabi, lagu patriotik dan halaqah zikir serta aktiviti selain nyanyian seperti pengembaraan melihat kebesaran Allah Taala dan keindahan alam semesta. Sesungguhnya hiburan yang sebenar adalah hiburan yang mengingatkan kita kepada Allah Taala.



Melalui khutbah hari ini dapat dirumuskan beberapa perkara:

1. Islam adalah agama fitrah yang mengharuskan hiburan sebagai memenuhi tuntutan fitrah manusia.
2. Semua pihak hendaklah prihatin dalam mendidik ahli keluarga agar mereka tidak terjerumus dalam kancah hiburan yang melampau.
3. Sebagai umat Islam kita perlu bijak memilih hiburan dan cara untuk berhibur. Sesungguhnya, hiburan yang dicari adalah hiburan yang memberikan ketenangan dan mengingatkan kita kepada Allah Taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ^{فَ}أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ
 الْقُلُوبُ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
 وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
 قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
 وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
 الرَّحِيمُ.